

Pilihan Bahasa dalam Kalangan Etnik Minoriti Kedayan di Bekenu, Sarawak: Satu Penelitian Awal

Dilah Tuah^a

tdilah@unimas.my

Universiti Malaysia Sarawak, Malaysia

Chong Shin

chong@ukm.edu.my

Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

Remmy Gedat

gremmy@unimas.my

Universiti Malaysia Sarawak, Malaysia

Mohammed Azlan Mis

whg5026@ukm.edu.my

Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

ABSTRAK

Komuniti Kedayan di Bekenu, Sibuti merupakan salah satu etnik minoriti di bahagian utara negeri Sarawak. Dalam beberapa kajian lepas, banyak bahasa etnik minoriti di Sarawak dilaporkan berdepan dengan isu keterancaman bahasa akibat arus pemodenan. Makalah ini melaporkan hasil kajian pilihan bahasa yang dilakukan ke atas kaum Kedayan di Bekenu, bagi menentukan daya tahan bahasa Kedayan kesan dari pengembangan penggunaan bahasa Melayu, dialek Melayu Sarawak dan bahasa Iban yang lebih dominan di Sarawak. Kajian ini mengaplikasikan kerangka domain dan pilihan bahasa yang diperkenalkan oleh Fishman (1972). Lima domain pilihan bahasa telah diberikan perhatian dalam kajian ini, iaitu domain keluarga, persahabatan, agama, pendidikan dan pekerjaan. Data kuantitatif diperoleh melalui tinjauan soal selidik dan temu bual bersemuka, manakala data kualitatif diperolehi melalui pemerhatian. Seramai sembilan puluh orang informan, yang dibahagikan mengikut kategori usia telah dipilih berdasarkan kaedah persampelan kuota. Hasil kajian mendapati bahawa bahasa Kedayan masih berdaya tahan, walaupun berdepan dengan persaingan daripada dialek Melayu Sarawak dan bahasa Iban. Bahasa Kedayan telah dijadikan sebagai bahasa *default* atau bahasa mutlak ketika berinteraksi dalam domain-domain yang diteliti. Walaupun kini dialek Melayu Sarawak dan bahasa Iban kerap digunakan dalam komuniti Kedayan, namun daya tahan bahasa Kedayan tetap utuh dan berada pada tahap yang selamat jika dibandingkan dengan bahasa minoriti lain di Sarawak.

Kata Kunci: pilihan bahasa; domain; Kedayan; etnik minoriti; daya tahan bahasa

^a Penulis utama & koresponden

Language Choices among the Kedayan Ethnic Minority in Bekenu, Sarawak: A Preliminary Study

ABSTRACT

Kedayan is one of the minority ethnic groups in Bekenu, Sibuti, situated on the northern part of Sarawak. In previous studies, it was reported that most of the minority languages in Sarawak are facing language endangerment due to modernisation. This study investigates and reports on the language choices among the Kedayan community in Bekenu in order to determine the resilience of this language due to the wide usage of the Malay language, Sarawak Malay dialect and Iban language in Sarawak. This study utilizes Fishman's (1972) domain and language choice framework to study these issues. Five domains have been selected in this study, namely family, friendship, religion, education and employment domains. The quantitative data was obtained through questionnaire surveys and face to face interviews, whereas the qualitative data was secured through observations. A total of ninety informants from three different ages group were selected based on quota sampling method. This study found that the Kedayan language is resilient although it receives pressure from Sarawak Malay dialect and Iban language. The Kedayan language is the main language of interaction in all domains as well as the *default* language of the Kedayans. Although the Sarawak Malay dialect and Iban language are used regularly by the Kedayans, the Kedayan language is able to sustain its status and is considered at a 'safe' level compared to other minority languages in Sarawak.

Keywords: Language choice; domain; Kedayan; ethnic minority; language sustainability

PENGENALAN

Pertembungan dua atau lebih bahasa dalam komunikasi harian akan mewujudkan fenomena pemilihan bahasa. Justeru, konsep pemilihan bahasa merangkumi pemilihan sesuatu kelainan atau ragam yang harus digunakan untuk berinteraksi. Menurut Teo (2019), fenomena pemilihan bahasa tidak terhad kepada pertimbangan pemilihan bahasa tertentu sahaja, kerana ia turut merangkumi pemilihan sesuatu kelainan atau ragam tertentu, yang biasanya dipengaruhi oleh latar dan situasi, peserta interaksi dan topik perbualan. Lazimnya, para sarjana tertarik dengan isu-isu pilihan bahasa kerana terdapat pemerhatian atau laporan bahawa sesuatu bahasa sedang mengalami keterancaman dan wujud kerencaman bahasa dalam sesebuah komuniti. Menurut Yeh, Chan & Cheng (2004), kerencaman bahasa akan mewujudkan tiga situasi, iaitu (i) pengekalan bahasa, (ii) peralihan bahasa, dan (iii) kewujudan pengekalan dan peralihan bahasa secara serentak. Dalam konteks Sarawak, negeri ini direkodkan mempunyai 44 hingga 46 bahasa yang berbeza dan kebanyakannya ini tergolong dalam rumpun Austronesia dengan pelbagai subkeluarga dan cabang bahasa yang berbeza (Lewis, 2013). Di antara variasi bahasa dan dialek yang disebutkan, bahasa Iban dan dialek Melayu Sarawak merupakan dua bahasa *lingua franca* utama di Sarawak. Bukti empirikal tentang pemilihan dan penggunaan dalam kalangan masyarakat multi etnik Sarawak, telah diteliti secara tuntas, misalnya oleh Mohammed Azlan Mis (2020), Chong et al (2018), Sa'adiah (2011), Norazuna (2010) dan sebagainya. Penemuan dalam kajian-kajian ini menyerlahkan satu persamaan, iaitu bahasa etnik minoriti di Sarawak berdepan dengan isu keterancaman akibat arus pemodenan. Persoalannya, bolehkah kita membuat satu generalisasi bahawa komuniti minoriti di seluruh negeri Sarawak sedang mengalami keterancaman bahasa? Menurut kajian Chong (2012) dan Dede (1987), sesebuah keluarga berperanan penting dalam menentukan variasi bahasa yang akan dipilih sebagai bahasa ibunda dalam keluarga. Justeru, asas kelangsungan sesuatu bahasa bergantung erat pada sikap dan persepsi seseorang ketua keluarga. Dalam makalah ini,